



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PEKERJAAN**  
**KOD KURSUS : DSM2133**  
**PEPERIKSAAN : JANUARI 2024**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)  
BAHAGIAN B (20 Markah)  
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan
  - iv. Akta Pekerjaan 1955 (Akta 265)

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS INI MENGANDUNGI **11** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Manakah antara berikut pihak yang terlibat di dalam persetujuan Kontrak Perkhidmatan mengikut Seksyen 2(1) Akta Kerja 1955?
  - i. Majikan
  - ii. Pengurus
  - iii. Pekerja
  - iv. Pekerja Manual

**A** ii dan iii  
**B** ii dan iv  
**C** i dan iii  
**D** i dan iv
  
2. Encik Ali merupakan seorang kontraktor bebas yang bekerja di syarikat Maju Sdn. Bhd. Manakah antara berikut garis panduan yang boleh diguna pakai oleh Encik Ali sebagai kontraktor bebas dalam Akta Kerja 1955?

**A** Segala salah laku diadili oleh panel.  
**B** Tempoh hari cuti adalah tertakluk kepada syarikat.  
**C** Hak pemecatan dan pelepasan dilakukan oleh majikan.  
**D** Kepercayaan semua pihak berhubung dengan bentuk hubungan yang diwujudkan.
  
3. Manakah antara berikut merupakan situasi yang tidak memerlukan upah dibayar kepada pekerja?

**A** Pekerja yang berada di dalam penjara.  
**B** Pekerja sewaktu siasatan dalaman dijalankan.  
**C** Pekerja yang hadir ke mahkamah sebagai saksi majikan.  
**D** Pekerja yang telah ditamatkan perkhidmatan di bawah kontrak perkhidmatan.

4. Johari merupakan pekerja di Ent Sdn. Bhd. Beliau bekerja di syarikat itu selama 3 tahun. Sepanjang Johari bekerja, beliau hanya menerima bonus pada tahun pertama sahaja daripada pihak syarikat. Bonus itu ialah
- A Bonus Tahunan.
  - B Bonus Kontraktual.
  - C Bonus Perkhidmatan.
  - D Bonus Bukan Kontraktual.
5. Manakah antara berikut merupakan situasi yang tidak membolehkan kanak-kanak bekerja?
- A Bekerja melebihi tujuh jam sehari.
  - B Pekerjaan melibatkan pekerjaan ringan yang sesuai dengan keupayaannya.
  - C Pekerjaan di mana-mana kapal di bawah jagaan ibu bapa atau penjaganya sendiri.
  - D Pekerjaan dalam mana – mana pusat hiburan awam mengikut syarat – syarat dan peraturan – peraturan lesen yang dikeluarkan di bawah Akta Kerja 1955.
6. Bukhari merupakan seorang Pegawai Penyiasat yang telah dibayar sejumlah wang kerana membantu sindiket penyeludupan dadah. Manakah antara berikut merupakan kesalahan yang telah dilakukan oleh Bukhari sebagai seorang pekerja?
- A Kesalahan disiplin.
  - B Tidak mematuhi arahan majikan.
  - C Membuat sebarang untung rahsia.
  - D Tidak menyimpan maklumat sulit majikan .
7. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai salah laku provokasi
- A Faisal melakukan rasuah tanpa prejudis.
  - B Faisal bertengkar dengan pengurus lalu menampar wajahnya.
  - C Faisal mencuri wang syarikat tanpa disedari oleh pengurusnya.
  - D Faisal menjalinkan hubungan dengan pengurusnya secara peribadi.

8.

- Menurunkan jawatan pekerja.
- Pengantungan kerja tanpa gaji.
- Memberhentikan pekerja tanpa notis.

**Pernyataan 1**

Pernyataan 1 merujuk kepada

- A** Sekyen 14(1) Akta Kerja 1955.
- B** Seksyen 13(3) Akta Kerja 1955.
- C** Seksyen 15(1) Akta Kerja 1955.
- D** Seksyen 16(1) Akta Kerja 1955.

9. Manakah antara berikut merupakan definisi disiplin?

- A** Perjanjian antara kesatuan sekerja dan majikan mengenai prosedur kerja.
- B** Suatu proses yang melibatkan kesatuan bertemu dengan majikan untuk membincangkan hubungan pekerjaan.
- C** Penerimaan kerja terhadap kuasa majikan untuk menghadkan kebebasan tindakannya dalam hubungan pekerjaan.
- D** Suatu proses yang melibatkan kesatuan berunding dengan majikan bagi pihak anggotanya yang bersangkutan dengan terma dan syarat pekerjaan.

10. Ah Seng merupakan pekerja yang sudah dipecat oleh majikannya. Namun demikian beliau merasakan pemecatan itu adalah tidak adil. Ah Seng telah membuat aduan kepada Ketua Pengarah, tetapi majikannya tidak mahu memberikan kerjasama. Berdasarkan situasi ini, siapakah yang menjadi rujukan Ketua Pengarah untuk menyelesaikan masalah ini?

- A** Menteri.
- B** Ketua Daerah.
- C** Hakim Mahkamah.
- D** Timbalan Pengarah.

11. Manakah antara berikut merupakan pernyataan yang **tepat** mengenai perbezaan antara gangguan seksual visual dan gangguan seksual psikologi?
- A Psikologi berbentuk soalan – soalan berunsur ancaman atau cadangan seksual manakala visual adalah tingkah laku mengurag yang berterusan.
  - B Visual adalah menulis surat berunsur seksual manakala psikologi adalah pujuk rayu berterusan, untuk keluar bersama atau untuk bercumbuan.
  - C Visual adalah sentuhan yang tidak diingini manakala psikologi berbentuk ancaman atau cadangan seksual menurunkan gred atau pangkat pekerja.
  - D Psikologi berbentuk isyarat berlaku melalui pandangan atau kerlingan yang menggoda manakala visual adalah mengesel badan, memeluk mencium dan serangan seksual.

12.

KUALA LUMPUR: Seramai lebih 300 pekerja AirAsia Bhd bakal ditamatkan perkhidmatan mereka oleh syarikat penerbangan tambang murah itu dalam usaha pengecilan operasi susulan daripada situasi sukar akibat wabak Covid-19.

*Petikan: Berita Harian Online, 4 Jun 2020*


### Pernyataan 2

Pernyataan 2 di atas merujuk kepada

- A Penamatan kontrak tanpa notis.
  - B Penamatan kontrak dengan notis.
  - C Pengurangan pekerja (retrechment)
  - D Pemberhentian kerja sementara (layoff).
13. Menurut Seksyen 12(1) Akta Kerja 1955, mana – mana pihak kepada kontrak perkhidmatan boleh pada bila – bila masa memberikan kepada pihak satu lagi notis tentang niatnya untuk menamatkan kontrak perkhidmatan tersebut. Antara sebab – sebab penamatan kontrak perkhidmatan adalah seperti berikut **kecuali**
- A *Statutory Bar*.
  - B Kesalahan disiplin.
  - C Keupayaan atau kelayakan.
  - D Pembuangan pekerja (redundancy).

14. PERKESO diamanahkan untuk memberi jaminan rawatan, kemudahan pemulihan dan perlindungan kepada pekerja yang terlibat dalam kemalangan semasa menjalankan kerja. Manakah antara berikut akta yang terlibat dalam pelaksanaan PERKESO?
- Akta Sistem Insurans Pekerjaan (2017)
  - Akta Keselamatan Sosial Pekerja (1967)
  - Akta Keselamatan Sosial Pekerja (1969)
  - Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (2017)
- A** i dan ii.  
**B** i dan iv.  
**C** i, ii dan iii.  
**D** i, iii dan iv.

Skim Bencana Pekerjaan



Rajah 1

15. R merujuk kepada
- Kemalangan di tempat kerja.
  - Kemalangan yang tidak disengajakan.
  - Kemalangan semasa dalam perjalanan.
  - Kemalangan disebabkan kecuaiian pekerja.

16. Encik Ibrahim merupakan seorang pemandu teksi di Daerah Kulai. Beliau telah membuat caruman bulanan di PERKESO. Semasa dalam perjalanan pulang ke rumah, beliau telah mengalami kemalangan yang mengakibatkan cedera parah di bahagian tulang belakang. Doktor mengesahkan beliau lumpuh dan hilang upaya kekal. Apakah skim perlindungan PERKESO yang boleh dituntut oleh Encik Ibrahim?
- A Skim Keilatan.
  - B Skim Bencana Kerja.
  - C Skim Insurans Pekerjaan.
  - D Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri.
17. Manakah antara berikut jenis bayaran yang dikenakan caruman KWSP?
- i. Bonus
  - ii. Komisen
  - iii. Ganjaran
  - iv. Elaun Perjalanan
- A i dan ii.
  - B i dan iii.
  - C i, ii dan iii.
  - D i, ii, iii dan iv.
18. Ain merupakan suri rumah. Beliau telah memilih untuk mencarum di KWSP. Manakah antara berikut merupakan caruman yang boleh dicarum oleh Ain?
- A I-suri.
  - B I- saraan.
  - C Caruman pilihan sendiri.
  - D Kasih Suri Keluarga Malaysia KWSP.
19. Kirakan potongan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk Encik Rafi yang akan dicarumkan jika kadar upah bulanannya adalah sebanyak RM 3,500.00
- A RM 385.00.
  - B RM 455.00.
  - C RM 350.00.
  - D RM 420.00.



20. Berlaku isu mogok pekerja di Syarikat BB dan menyebabkan keuntungan Syarikat BB merudum sebanyak 30% dari bulan sebelum itu. Isu ini telah dibicarakan di Mahkamah Perindustrian akan tetapi terdapat persoalan yang ingin diketahui oleh pihak majikan berkaitan dengan undang – undang semasa perbicaraan dijalankan. Berapakah tempoh masa yang diperlukan oleh majikan untuk membuat permohonan?
- A 60 hari.
  - B 50 hari.
  - C 40 hari.
  - D 30 hari.

[40 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Terangkan **lima (5)** keadaan yang membenarkan majikan memberikan wang pendahuluan upah kepada pekerja.

[6 Markah]

b. Jelaskan perkara – perkara di bawah Seksyen 60F Akta Kerja 1955?

[4 Markah]

**SOALAN 2**

a. Terdapat beberapa keadaan yang menyebabkan siasatan domestik tidak perlu diadakan. Terangkan **tiga (3)** keadaan tersebut.

[6 Markah]

b. Ahmad telah dituduh memalsukan sijil cuti sakit beliau. Selepas siasatan domestik dilakukan, majikan telah memecat Ahmad atas salah laku yang dilakukannya. Berikan **empat (4)** contoh perbuatan salah laku yang biasa dilakukan oleh pekerja.

[4 Markah]

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

<b>SELIA SDN BHD</b>	
<b>WAKTU OPERASI</b>	
<b>ISNIN HINGGA JUMAAT</b> .....	<b>8.30 PAGI – 5.30 PETANG</b>
<b>SABTU DAN AHAD</b> .....	<b>TUTUP</b>
<b>CUTI UMUM</b> .....	<b>TUTUP</b>

**Pernyataan 1**

Ahmad bekerja di Selia Sdn. Bhd. selaku kerani dengan upah bulanan sebanyak RM 2,600. Majikan menyuruhnya untuk bekerja pada hari Ahad, 24 Disember 2023 bermula dari jam 8.30 pagi sehingga 5.30 petang dan pada hari Isnin 25 Disember 2023 bermula dari jam 8.30 pagi sehingga 5.30 petang. Kirakan upah Ahmad untuk bulan Disember 2023.

[10 Markah]

**SOALAN 2**

Terangkan **lima (5)** jenis gangguan seksual di tempat kerja.

[10 Markah]

**SOALAN 3**

Puan Rafeah merupakan seorang pekerja di Syarikat Tenaga Sdn. Bhd. dan telah mengalami hilang upaya kekal disebabkan oleh kemalangan di tempat kerja. Puan Rafeah telah memohon bantuan di bawah skim perlindungan PERKESO untuk meringankan beban menyara keluarganya. Apakah faedah yang boleh diperolehi oleh Puan Rafeah di bawah skim perlindungan tersebut?

[12 Markah]

**SOALAN 4**

Salmi bekerja sebagai seorang pembantu peribadi di sebuah syarikat swasta yang bertempat di Kuala Lumpur. Beliau telah mengalami kemurungan dan gangguan emosi semenjak bekerja di syarikat tersebut. Daripada hasil siasatan yang dijalankan didapati beliau telah berhadapan dengan gangguan seksual secara siber di tempat kerja. Oleh yang demikian, beliau dinasihatkan untuk melaporkan isu ini kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

Sebagai seorang Pegawai Penerangan di Jabatan Tenaga Kerja, terangkan kepada Salmi fungsi Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

[ 8 Markah]

[40 MARKAH]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

.

(

(

.

1



Red ink smudges and marks at the bottom right corner.